

07 OCT 2003

ABDULLAH: KEPUTUSAN TERHADAP CHIN PENG MUKTAMAD

KEPALA BATAS, 7 Okt (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini berkata, keputusan untuk tidak membenarkan bekas Setiausaha Agung Parti Komunis Malaya (PKM) Chin Peng kembali ke Malaysia adalah muktamad.

"Saya telah buat keputusan dan ia adalah muktamad," kata beliau kepada pemberita apabila ditanya mengenai seruan pengerusi DAP Lim Kit Siang supaya Chin Peng dibenarkan pulang.

Kit Siang telah merayu kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk membenarkan bekas ketua PKM itu yang kini berada di Thailand, untuk kembali ke Malaysia sebelum Perdana Menteri bersara pada 31 Okt.

"Saya tidak punyai apa-apa lagi untuk dikatakan. Saya sudahpun membuat kenyataan saya (berhubung keputusan itu)," katanya.

"Saya tidak mahu terjebak dalam perbahasan (dalam hal ini)," kata Abdullah yang juga Anggota Parlimen Kepala Batas setelah melawat beberapa pusat pemindahan banjir di kawasan pilihan rayanya.

Permintaan Chin Peng untuk pulang ke Malaysia menerima bantahan pelbagai pihak termasuk bekas tentera dan anggota keluarga mereka yang dibunuh oleh penganas komunis semasa zaman darurat dari 1948-1960.

-- BERNAMA

NH ZS PR